

Sedia khidmat pengurusan sampah

SABAK BERNAM - Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) melalui kerajaan negeri Selangor menyediakan hampir 100 tong sampah di setiap kampung tradisi di daerah ini bermula sejak Disember lalu.

Penolong Pegawai Komunikasi Korporatnya, Noraini Ahmad berkata, perkhidmatan kutipan sampah itu melibatkan empat zon dengan pecahan tujuh kawasan.

"Empat zon itu merangkumi kawasan di Sekinchan, Sungai Besar, Sabak dan Sungai Air Tawar," katanya.

Noraini berkata, tong sampah yang disediakan dan perkhidmatan kutipan sampah dilaksanakan secara percuma di bawah peruntukan kerajaan negeri.

"Perkhidmatan kutipan sampah domestik di semua kawasan kampung tradisi ini dilaksanakan setiap hari.

"Bagaimanapun, kutipan sampah pukal, kebun dan perabot pula dilaksanakan seminggu sekali iaitu empat kali sebulan," katanya.

Katanya, perlaksanaan kutipan itu adalah selaras dengan arahan kerajaan negeri agar setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat menguruskan perkhidmatan kutipan sampah di semua kawasan PBT termasuk di kampung tradisi.

"Ini juga secara tak langsung dapat mengurangkan aduan sampah haram di kampung tradisi, selain meningkatkan tahap kualiti kehidupan di luar bandar dengan pengurusan sisa pepejal yang baik," katanya.



NORAINI